

GARIS PANDUAN PEMBELAJARAN PRASEKOLAH



Garis panduan ini adalah bertujuan untuk membantu dalam melaksanakan sistem pembelajaran dan pengajaran murid prasekolah di rumah (Home Based Learning) semasa situasi jangkitan coronavirus (Covid-19) ini. Garis panduan ini khusus untuk kegunaan para guru prasekolah, murid dan ibu bapa serta penjaga dalam memastikan pengajaran dan pembelajaran murid prasekolah berjalan dengan lancar dan bersistematis.

GARIS PANDUAN



Sistem pengajaran dan pembelajaran
di rumah (*Home Based Learning*)



Panduan bagi guru-guru
Prasekolah



Panduan bagi ibu bapa dan penjaga



Panduan bagi Murid



Penilaian berterusan dan
aktiviti fizikal




GARIS PANDUAN PEMBELAJARAN

Sistem Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (Home Based Learning)

Kaedah sistem pembelajaran dan pengajaran murid prasekolah di rumah (Home Based Learning) yang digunakan oleh para guru dan murid adalah seperti berikut:

- 1. Pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian (*online teaching & learning*)**



- 2. Pengajaran dan pembelajaran secara luar talian (*offline*) –
*Home learning pack atau video rakaman***





PANDUAN BAGI **Guru-guru Prasekolah**


- 1. Komunikasi (*Communication*)**
- 2. Perancangan (*Planning*)**
- 3. Penyampaian (*Delivery*)**
- 4. Latihan**
- 5. Garispanduan**

1

Komunikasi (*Communication*)

- 1** Menyediakan **jadual dan tatacara komunikasi** di antara guru, murid dan ibu bapa serta penjaga contoh melalui whatsapp, e-mel, panggilan telefon dan sebagainya.


- 2** Menyediakan jadual penghantaran latihan / aktiviti pembelajaran **yang fleksible** kepada murid, ibu bapa, penjaga.



2

Perancangan (*Planning*)


- 1 Menyediakan **jadual harian atau mingguan yang fleksibel** bagi sesi pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian atau 'home learning pack'.
- 2 Menyediakan **senarai semak harian atau mingguan pembelajaran yang perlu dicapai** dan perkembangan pembelajaran murid kepada ibu bapa dan penjaga.



3


Penyampaian (*Delivery*)

1 Menyediakan latihan/aktiviti kepada murid (bimbingan ibubapa/penjaga) yang menjurus kepada **perkembangan literasi dan numerasi**, contohnya: buku riba fonik/ buku riba nombor/buku riba ikut tema.



2 Memastikan tempoh pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian **di antara 15 minit hingga 20 minit** dalam satu masa sahaja.

3 Memberikan bantuan **sokongan tambahan** kepada **murid yang memerlukan.**



4 Menggunakan sumber **alat pembelajaran berbentuk konkrit** untuk dipinjamkan kepada murid jika perlu. (Guru perlu memastikan ada catatan rekod pinjaman)




Latihan

- 1 Memberikan sekurang-kurangnya **2 ke 3 latihan/aktiviti pembelajaran dalam sehari** samada secara dalam talian atau luar talian.

ISNIN



SELASA



5

Garis panduan

- 1 Menyediakan garispanduan kepada ibu bapa dalam membantu murid-murid dalam menjalani *Home Based Learning*.



.....

Garis panduan
untuk mengikuti
**sesi dalam
talian (online)**

.....

Garis panduan
untuk mengikuti
**sesi luar talian
(offline)**




PANDUAN BAGI

Ibu bapa dan penjaga



Menyediakan ruang belajar untuk anak-anak di rumah.




Menghantar Home Learning Pack kepada pihak sekolah mengikut jadual yang telah ditetapkan.



Berhubung dengan guru atau pihak sekolah mengikut masa yang telah ditetapkan.



Berkerjasama dengan pihak sekolah dalam membantu pembelajaran anak-anak di rumah mengikut masa dan kemampuan.



Berkerjasama dengan pihak sekolah dalam mengawas dan memantau pembelajaran anak-anak di rumah dengan memastikan mereka mengikuti jadual pembelajaran yang telah ditetapkan (*Flexible Timetable*).

Panduan bagi ibu bapa dan penjaga:

1. Sebelum Sesi Pembelajaran

2. Semasa Sesi Pembelajaran

3. Selepas Sesi Pembelajaran



1

Sebelum Sesi Pembelajaran (Pagi)

- 1 Home learning pack yang disediakan oleh pihak sekolah/guru perlu diambil mengikut waktu yang diberikan.
- 2 Jika ibu bapa/ penjaga yang bekerja maka perlulah membuat perundingan dengan guru bagi menentukan masa atau cara yang bersesuaian.



3 Ibu bapa/ penjaga boleh memaklumkan guru jika abang/kakak pelajar yang membantu dalam pembelajaran anak mereka.



4 Mengendalikan senarai semak pembelajaran anak anda seperti



- Bertanyakan apakah yang **anak-anak akan pelajari** hari ini?
- Bertanyakan apakah yang **anak-anak akan capai** dalam pembelajarannya?
- Bagaimakah **anak-anak meluangkan masa** pembelajaran di rumah?
- Bagaimana ibu bapa/ penjaga akan dapat **memberikan sokongan kepada anak-anak**.

2

Semasa Sesi Pembelajaran

Dalam talian (online)



- 1 Mengikut arahan / garispanduan yang disediakan oleh guru.



- 2 Membantu murid berkomunikasi bersama guru semasa pembelajaran dalam talian.



Luar talian (offline)



- 1** Mengikut arahan / garispanduan yang disediakan oleh guru.
- 2** Membantu dan memantau pembelajaran murid dengan tahap pengawasan yang bersesuaian.



3

Selepas Sesi Pembelajaran (petang)

- 1 Mengisi senarai semak harian atau mingguan** pembelajaran yang perlu dicapai oleh murid kepada ibu bapa dan penjaga.
- 2 Membantu murid dalam membuat dan menyelesaikan latihan/aktiviti** yang diberikan oleh guru dengan mengikut masa dan kemampuan mereka.



Selepas Sesi Pembelajaran

3 Mengendalikan senarai semak pembelajaran anak-anak seperti:



- Bertanyakan **apa yang telah anak-anak pelajari** hari ini.
- Bertanyakan **masalah yang dihadapi** anak-anak dalam penerimaan pembelajaran.
- Memberikan **galakkan kepada anak-anak** apabila mereka mencapai sesuatu dalam pembelajarannya.
- Bertanyakan kepada anak-anak **adakah pembelajaran hari ini berjalan dengan baik**.



PANDUAN BAGI **Murid**

1. Sebelum Sesi Pembelajaran


2. Semasa Sesi Pembelajaran

3. Selepas Sesi Pembelajaran

1

Sebelum Sesi Pembelajaran

- 1 Bersedia **lebih awal sebelum memulakan pembelajaran** dengan bantuan ibubapa/penjaga.
- 2 Elakkan diri daripada **sebarang gangguan** semasa pembelajaran berlangsung.



Semasa Sesi Pembelajaran

Dalam talian (online)



- 1 Pastikan ada ibu bapa/penjaga hadir bersama bagi membantu.



- 2 Jika ibu bapa/penjaga bekerja maka murid/ibubapa/penjaga menghubungi guru bagi menentukan masa yang sesuai.



Luar talian (offline)



- 1 Berikan tumpuan kepada pembelajaran atau latihan yang dikerjakan.



3

Selepas Sesi Pembelajaran



1

Murid perlu **menyiapkan latihan/aktiviti** yang diberikan samada secara dalam talian, rakaman atau home learning pack **mengikut masa yang diberikan**. Jika ada masalah perlulah menghubungi guru.

2

Mengikuti / melakukan **aktiviti fizikal yang ditentukan** oleh guru bagi meningkatkan keaktifan diri.






GARIS PANDUAN

Penilaian berterusan dan aktiviti fizikal

1. Pihak sekolah dan guru disarankan mengendalikan **penilaian dalam bentuk formatif/latihan kerja/aktiviti** secara fleksibel bagi mengukur pencapaian murid.
2. Guru boleh mencatat pencapaian murid menggunakan **Log Literasi dan Log Numerasi** yang disediakan oleh Unit Pemedulian dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak dan Kemahiran Asas (**UPPAKK & KK**).




3. Penilaian pencapaiaan murid mungkin akan dilaksanakan dengan **dua cara/pilihan** iaitu;



**Luar talian
(offline option)**

Berpandukan kepada set aktiviti pembelajaran harian dan mingguan yang dicetak dari buku latihan dan buku kerja atau home learning pack bagi setiap tajuk/tema yang dipilih dari Kurikulum Prasekolah.



**Dalam talian
(online option)**

Pilihan ini merupakan platform dan aplikasi yang disediakan oleh sekolah dan guru (jika ada) dan disejajarkan dengan Kandungan Kurikulum Prasekolah.



THANK YOU



moe.gov.bn



[moe_brunei](https://www.instagram.com/moe_brunei/)



+673 238 1133